

Headline	Anugerah UiTM hargai jasa atlet		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	62	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,792
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,376



Anugerah UiTM hargai jasa atlet



Khairulnizam dan Muzlifah dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati UiTM 2012.

PUSAT Sukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UiTM untuk menghargai jasa atlet bagi menaikkan nama UiTM di persada kebangsaan.

Seramai 500 orang atlet dan pegawai akan menghadiri majlis tersebut pada 15 April ini di Shah Alam Convention Centre dan dirasmikan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Pegawai Sukan UiTM, Shahrin Ismail berkata, sebanyak 13 kategori anugerah bakal diberikan kepada kepada atlet dan pegawai yang mempamerkan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing.

"Tujuan kami untuk memberi penghormatan kepada mereka yang terlibat dan menggalakkan penglibatan aktif pelajar di dalam bidang sukan," katanya.

Anugerah utama yang dipertandingkan iaitu Olahragawan serta Olahragawati akan mendapat tentangan sengit apabila Khairulnizam Mohd Afendy (Perahu Layar) dan Muzlifah Zulkifli (Menembak) kembali untuk mempertahankan anugerah masing-masing.

Jawatankuasa pemilihan dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM, Profesor Madya Dr Mohd Hanafiah Abidin.